

Malaysia Jangka KDNK Meningkat 6.5 Peratus Tahun Ini – PM

PETALING JAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan Malaysia kini menuju ke arah pemulihan ekonomi untuk mencapai unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.5 peratus sehingga 6.5 peratus bagi 2022.

Menurutnya, berdasarkan laporan **Jabatan Perangkaan** dan Bank Negara, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.1 peratus pada 2021 berbanding penguncutan 5.6 peratus pada 2020.

“Kita sedang memulihkan ekonomi, dari segi jumlah pelaburan langsung asing (FDI) merekodkan peningkatan pada 2021 iaitu melebihi RM50 bilion berbanding 2020 sebanyak RM14.6 bilion.

“Indikator positif ini memberi gambaran negara sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi untuk mencapai unjuran KDNK sebanyak 5.5 peratus sehingga 6.5 peratus bagi 2022,” katanya menerusi hantaran Facebook pada Selasa.

Pada masa sama, Ismail turut menyatakan jumlah dagangan antara Malaysia dan Vietnam mencatat AS\$16.7 bilion pada 2021.

Jelasnya, Malaysia turut mempunyai lebihan dagangan sebanyak AS\$25 bilion.

Dalam pada itu, negara juga menyasarkan nilai dagangan sebanyak AS\$18 bilion dua hala antara Malaysia dan Vietnam menjelang 2025.

“Kerajaan sentiasa prihatin menjaga kebijakan rakyat terutama dalam membantu pekerja industri pelancongan yang terkesan akibat wabak Covid-19,” ujarnya.

<https://sumberkini.my/malaysia-jangka-kdnk-meningkat-6-5-peratus-tahun-ini-pm/>